

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM PERPISAHAN BAGI BEKAS
KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN B MOHAMED

TEMPAT: BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 DEC 1990

MASA:

Yang Berhormat Menteri-menteri;
Dif-dif kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Kita menghadiri majlis makan malam ini bagi merai dan mengucapkan selamat bersara daripada perkhidmatan awam kepada bekas Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Sallehuddin Mohamed. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Sallehuddin dan Puan Sri Hafsa kerana sudi bersama-sama kita pada malam ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Tan Sri Sallehuddin telah berkhidmat dengan kerajaan kira-kira 30 tahun. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting seperti Timbalan Ketua Setiausaha di Perbendaharaan dan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi. Jawatan terakhir beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara dan dengan itu Setiausaha Jemaah Menteri merupakan puncak dalam perkhidmatan awam di negara kita ini. Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan selama 32 tahun, hanya lapan orang sahaja yang telah diamanahkan memegang jawatan tertinggi ini, dan Tan Sri Sallehuddin merupakan salah seorang yang telah diamanahkan memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara selama kira-kira lima-setengah tahun. Saya bagi pihak kerajaan mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Sallehuddin kerana telah berjaya meningkat ke puncak perkhidmatan awam dan menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara dengan berkesan.

3. Sebagai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin bertanggungjawab terhadap prestasi perkhidmatan awam. Kerajaan amat terhutang budi kerana Tan Sri Sallehuddin telah dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan awam. Beliau juga telah berjaya memimpin serta menyediakan jentera perkhidmatan awam supaya lebih berupaya memenuhi keperluan negara yang membangun dengan pesatnya. Keadaan ini dapat dilihat daripada kemampuan jentera pentadbiran awam untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan dan telah berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang lebih sofistikated akibat pemodenan dan pembangunan negara.

4. Tan Sri Sallehuddin merupakan seorang pegawai awam dan pentadbir yang berdisiplin, objektif, dan berkeupayaan untuk

memberi pertimbangan serta nasihat yang profesional kepada Kerajaan. Beliau mudah memahami kehendak-kehendak Kerajaan dan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh perkhidmatan awam dalam konteks melaksanakan setiap keputusan yang dibuat oleh Kerajaan. Dengan sifat-sifat inilah Tan Sri Sallehuddin telah dapat membina hubungan serta kepercayaan dua hala yang rapat di antara perkhidmatan awam dengan Kerajaan. Keyakinan yang penuh terhadap perkhidmatan awam oleh Kerajaan dan sebaliknya adalah hasil usaha beliau.

5. Tan Sri Sallehuddin telah menekankan pentingnya memberi perkhidmatan berkualiti kepada orang ramai. Beliau telah membawa perubahan kepada sistem dan prosedur dalam perkhidmatan awam. Antaranya ialah usaha-usaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kaunter. Kerajaan menganggap usaha ini merupakan satu usaha yang penting untuk memperbaiki dan menyediakan kemudahan serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan kaunter. Usaha ini bukan sahaja dapat memperbaiki imej perkhidmatan awam, tetapi dengan sendirinya dapat menghasilkan hasrat negara. Agensi-agensi perkhidmatan kaunter yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang telah diberi pengiktirafan yang sewajarnya melalui Anugerah Pejabat Terbaik.

6. Selain daripada itu, Tan Sri Sallehuddin juga telah berusaha untuk memperbaiki struktur pentadbiran daerah. Pentadbiran daerah merupakan pentadbiran akar umbi yang secara langsung terlibat dalam pelaksanaan program-program Kerajaan di peringkat tersebut. Di samping itu, perkhidmatan awam juga telah melalui berbagai perubahan, penyusunan semula organisasi dan pengurusan, serta penjelasan semula peranan dan fungsi jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Semuanya ini dilakukan atas inisiatif Tan Sri Sallehuddin bagi menentukan keberkesanan jentera pentadbiran awam selaras dengan peranan yang dikehendaki oleh Kerajaan dalam membangunkan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Semasa Tan Sri Sallehuddin menjadi Ketua Setiausaha Negara, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan dan dasar, antaranya ialah Dasar Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia. Dasar-dasar ini berbeza sekali dengan konsep dan persepsi peranan perkhidmatan awam. Sebaliknya, dasar-dasar ini tidak mungkin berjaya jika pihak perkhidmatan awam tidak memahaminya dan tidak bekerjasama.

8. Saya berbangga kerana usaha gigih yang dilakukan oleh Tan Sri Sallehuddin untuk menerang dan mendapatkan sokongan daripada anggota perkhidmatan awam kepada dasar-dasar yang agak radikal ini. Berkat kerjasama hasil usaha Tan Sri Sallehuddin, perkhidmatan awam dapat menjayakan beberapa projek penswastaan. Kerjasama di antara perkhidmatan awam dengan swasta yang menjadi sasaran Malaysia Incorporated sudah pun diterima dan telah berjaya membantu pertumbuhan ekonomi negara yang kita lihat sekarang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya ada juga mendengar cerita-cerita kononnya Perdana Menteri dan bekas Ketua Setiausaha Negara mempunyai satu persamaan -- iaitu mereka ini tidak pernah pandai senyum, sentiasa serius dan kadang-kadang nampak garang juga. Tetapi setahu saya Tan Sri Sallehuddin humourous juga orangnya. Di beberapa majlis yang berkaitan dengan golf, Tan Sri ada banyak golf jokes. As for me, I appreciate and enjoy hearing jokes, but I am not good at cracking them.

10. Tentang tidak pandai memberi senyum, itu adalah sifat semula jadi seseorang. Tetapi di sebalik sifat itu ada juga kelembutan yang tidak dapat dilihat. Saya percaya Puan Seri Hafsah boleh mengesahkan hal ini.

11. Bagi diri saya sendiri, saya ingin menyatakan bahawa saya mendapat bantuan dan kerjasama yang baik daripada Tan Sri Sallehuddin, yang mana ini memudahkan tugas kami berdua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Prestasi perkhidmatan awam di negara ini semakin hari semakin meningkat. Walau bagaimanapun usaha-usaha mestilah terus dijalankan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan awam. Ramai kakitangan awam telah mengikuti berbagai-bagai kursus dan latihan. Saya yakin dengan pendedahan kakitangan perkhidmatan awam kepada perkembangan-perkembangan terbaharu dalam berbagai-bagai bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing, bukan sahaja peningkatan prestasi perkhidmatan awam akan tercapai tetapi juga kakitangan-kakitangan kerajaan akan memperolehi pengetahuan yang lebih dan berguna untuk diri sendiri. Kita mestilah sanggup mempelajari pendekatan-pendekatan dan teori-teori yang terbaharu mengenai pengurusan. Kita hendaklah sentiasa mempunyai pemikiran yang terbuka untuk menggunakan sebarang pendekatan yang sesuai dengan suasana pengurusan dalam sesebuah pejabat atau jabatan.

13. Namun demikian walau apa juga yang kita pelajari, kita tidak harus lupa akan nilai-nilai asas pengurusan yang cekap. Nilai-nilai asas penting ini termasuklah amanah, kejujuran, bersikap positif, berinisiatif dan semangat saling bekerjasama. Nilai-nilai asas ini hendaklah sentiasa diamalkan. Sama ada seseorang itu ketua jabatan atau seorang pembantu pejabat, sama ada ia bekerja di kementerian-kementerian di ibu kota atau agensi-agensi awam di luar bandar, nilai-nilai ini mestilah diamalkan.

14. Kerajaan percaya bahawa setiap kakitangan kerajaan akan terus menjalankan kerja masing-masing dengan jujur dan bersungguh-sungguh serta memberi layanan yang baik kepada masyarakat. Negara kita, yang pesat membangun ini, memerlukan kakitangan awam yang berdedikasi, komited dan yang sentiasa mengutamakan kepentingan perkhidmatan awam dan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Persaraan adalah suatu yang tidak dapat tidak akan

berlaku kepada setiap kakitangan Kerajaan apabila meningkat ke umur tertentu. Di samping kita merasa pilu dan hiba akan milestone yang amat bermakna kepada kehidupan kita, amatlah penting kita terus aktif sama ada dalam bidang lain atau dalam kerja-kerja kebajikan.

16. Jikalau kita memilih untuk berniaga, saya yakin pengalaman semasa berkhidmat dengan Kerajaan amat berguna. Sebab itulah semasa berkhidmat segala amalan yang baik perlu dipraktikkan. Jika pengetahuan dan pengalaman semasa berkhidmat adalah luas, jika kerajinan dan ketekunan serta nilai-nilai baik menjadi sebahagian daripada tabiat seseorang pegawai, kejayaan dalam perniagaan sesudah bersara besar kemungkinannya. Sebaliknya, jika semasa berkhidmat diamalkan amalan-amalan yang tidak baik, penglibatan dalam urusan perniagaan sesudah bersara mungkin membawa kekecewaan.

17. Sebab inilah saya percaya amalan yang baik dalam perkhidmatan menguntungkan Kerajaan dan diri sendiri. Amatlah menyedihkan apabila kita mendengar tentang pesara yang kehilangan semuanya setelah memasuki bidang perniagaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya bagi pihak Kerajaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Sallehuddin atas jasa dan sumbangan beliau kepada perkhidmatan awam dan negara. Saya percaya walaupun beliau sudah bersara, beliau akan terus memberi sumbangan kepada negara dari semasa ke semasa.

19. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Ahmad Sarji atas perlantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru. Dengan pengalaman beliau yang luas saya percaya Dato' Ahmad Sarji akan dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Akhir kata, marilah kita berdoa semoga Tan Sri Sallehuddin dan Puan Sri Hafsah dan keluarga sentiasa sihat walafiat serta dilindungi Allah Subhanahu wa Ta'ala.